

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 ( 41 )



---

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 22 TAHUN 2023**

---

### **PINDAAN PERATURAN MENGENAI KERAJIAN RASMI UNIVERSITI**

**Pejabat Bendahari**

20 November 2023

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 ( 41 )

20 November 2023

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 22/2023

### PINDAAN PERATURAN MENGENAI KERAIAN RASMI UNIVERSITI

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai pindaan Peraturan Mengenai Keraian Rasmi Universiti.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengguna pakai Peraturan Mengenai Keraian Rasmi Dan Kadar Penyediaan Makanan Dan Minuman Universiti sejak tahun 2016 dan telah dimasukkan dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bab F Pembayaran serta diguna pakai sehingga kini.
- 2.2 Pindaan peraturan ini dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan Universiti dan perkembangan ekonomi semasa.
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 7/2023 pada 26 Oktober 2023 telah bersetuju meluluskan pindaan Peraturan Mengenai Keraian Rasmi Universiti.

#### 3.0 PINDAAN

- 3.1 Pindaan Peraturan Mengenai Keraian Rasmi merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Jenis keraian rasmi ditetapkan kepada 3 keraian rasmi sahaja iaitu Mesyuarat Dalaman, Majlis Rasmi dan Aktiviti/Program PTj/Universiti.
- ii. **Mesyuarat Dalaman** adalah ditafsirkan sebagai mesyuarat/perbincangan yang diadakan di premis Universiti melibatkan pegawai dalaman dan juga para jemputan seperti berikut:
  - a. Peringkat PTj dipengerusikan oleh Ketua PTj dan/atau yang lebih tinggi daripadanya seperti Mesyuarat Pengurusan PTj dan seumpamanya.
  - b. Peringkat Universiti seperti Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan, Mesyuarat Majlis Eksekutif, Mesyuarat Senat, dan seumpamanya (yang dimasukkan dalam takwim tahunan Universiti).
- iii. **Majlis Rasmi** adalah ditafsirkan seperti berikut:
  - a. Mesyuarat/seminar/persidangan/penganugerahan/konvensyen dan seumpamanya yang diadakan di peringkat Antarabangsa/Kebangsaan/Kementerian/Negeri/Universiti, meraikan pelawat iaitu orang-orang kenamaan atau rombongan rasmi dari dalam atau luar Negara yang diakui terwajib secara rasmi berkaitan dengan urusan Universiti, acara pelancaran atau pembukaan rasmi serta penutup sesuatu projek/pertandingan oleh Universiti. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti juga adalah termasuk Majlis Rasmi.
  - b. Majlis yang dikhaskan untuk meraikan tetamu universiti atau majlis apresiasi melibatkan pegawai dan/atau pelajar Universiti (tidak termasuk aktiviti/program PTj/Universiti).

c. **Aktiviti/program PTj/Universiti** adalah ditafsirkan sebagai apa-apa majlis, aktiviti, program, bengkel kerja, dan seumpamanya yang dianjurkan PTj/Universiti.

iv. Penetapan semula kadar maksimum Keraian Rasmi (*per pax*) seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Keraian Rasmi</b>	<b>Kadar baharu minum pagi/petang/malam</b>	<b>Kadar baharu makan tengah hari/malam</b>
1	Mesyuarat Dalam	<b>RM7</b>	<b>RM15</b>
2	Majlis Rasmi	<b>RM123</b> sehari (tiada lagi penetapan khusus kadar mengikut kategori jamuan dan kategori tetamu)	
3	Aktiviti/ Program PTj/Universiti	<b>RM10</b> (pegawai dan tetamu Universiti)  <b>RM5</b> (pelajar)	<b>RM20</b> (pegawai dan tetamu Universiti)  <b>RM10</b> (pelajar)

v. PTJ digalakkan mengguna pakai kadar yang lebih rendah daripada kadar maksimum yang ditetapkan selaras dengan garis panduan penjimatan perbelanjaan UTeM.

vi. Kadar jamuan bagi majlis rasmi yang telah ditetapkan kadarnya tidak tertakluk kepada kadar Keraian Rasmi peraturan ini.

vii. Kadar keraian rasmi secara pakej hendaklah merujuk kepada Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti, Bab F Pembayaran, Peraturan 15.2 Penetapan Kadar Pakej Bagi Penganjuran Tugas Rasmi dan Kursus dan pindaannya dari semasa ke semasa.

viii. Semua kadar-kadar yang ditetapkan dalam peraturan ini hendaklah dipatuhi. Sekiranya melebihi kadar, perbezaan antara kadar maksimum dan kadar yang dimohon hendaklah ditampung melalui Tabung Amanah dan PTj perlu mendapatkan kelulusan Bendahari sebelum majlis diadakan.

- ix. Pindaan peraturan ini juga akan meminda tafsiran dalam Bab P Perolehan-Perolehan Yang Dikecualikan Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan, Perkara 1.0 Perolehan bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan Dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan, Perenggan 1.1.1 dan 1.1.2.
  - x. Pindaan-pindaan yang lain merangkumi tafsiran, syarat-syarat dan sebagainya adalah seperti yang termaktub dalam PKPU, Bab F Pembayaran, Peraturan 5.1.
- 3.2 Peraturan Mengenai Keraian Rasmi yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu:
- <https://pkpu.utm.edu.my/index.php/5-0-bahagian-pengurusan-wang-universiti-pw/bab-f-pembayaran>

#### **4.0 PEMBATALAN**

- 4.1 Pindaan peraturan ini akan membatalkan peraturan sedia ada dalam PKPU, Bab F Pembayaran, Peraturan 5.1 Peraturan Mengenai Keraian Rasmi Dan Kadar Penyediaan Makanan Dan Minuman Universiti.

#### **5.0 TARIKH KUATKUASA**

- 5.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.
- 5.2 Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of several overlapping loops and a vertical line extending downwards.

**SABARINA BINTI ABDULLAH**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MSR/PK/PU2023